

22 MAR 1998

MASYARAKAT ANTARABANGSA DIGESA BANTU ATASI GEJALA ORANG HANYUT

MELAKA, 22 Mac (Bernama) -- Masyarakat antarabangsa perlu memainkan peranan lebih aktif bagi membantu mencegah fenomena "orang hanyut" yang melanda rantau Asia Tenggara.

Menteri Pertahanan Datuk Syed Hamid Albar berkata fenomena "orang hanyut" Vietnam yang berlaku pada tahun 1970an boleh berulang jika jika kegawatan ekonomi yang melanda rantau Asia Tenggara kini berterusan.

Setakat ini kalangan negara-negara ASEAN telah meningkatkan kerjasama bagi menghadapi masalah itu, katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat perwakilan Umno Bahagian Kota Melaka di sini.

Syed Hamid mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Jerman semalam bahawa kegawatan ekonomi yang melanda rantau ini sekarang telah mencetus fenomena baru "orang hanyut".

"Apabila keadaan bertambah teruk hingga ada rakyat sesebuah negara kebuluran, kesannya ialah pelarian beramai-ramai seperti fenomena "orang hanyut" Vietnam.

"Setakat ini, kesannya dirasakan di Malaysia dan kita mengambil langkah mengawal kedatangan pendatang tanpa izin," katanya sambil merujuk kepada operasi besar-besaran pasukan keselamatan di perairan Selat Melaka bagi menghalang kemasukan pendatang tanpa izin.

Negara-negara ASEAN bekerjasama bagi mengatasi fenomena "orang hanyut" kerana sedar bahawa keadaan itu boleh menimbulkan ancaman keselamatan dan kestabilan serantau, katanya. -- BERNAMA

MOZ NAK